

Situasi 'VUCA' menuntut penjawat awam lakukan perubahan - Pakar

KUALA LUMPUR - Reformasi dalam kalangan penjawat awam dan perkhidmatan awam perlu dilaksanakan bagi membolehkan negara terus maju dalam situasi negara berdepan dunia dilatari pergolakan, ketidakpastian, kerumitan dan kekaburan (VUCA).

Timbalan Pengarah, Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, Universiti Putra Malaysia, Noor Mohamad Shakil Hameed berkata, reformasi serta perubahan amat perlu kerana situasi VUCA memerlukan sumber manusia yang lebih kreatif, efisien, berfikiran jauh dan berdaya tahan.

Katanya, reformasi dan perubahan berkenaan juga diperlukan bagi memenuhi ekspektasi tinggi masyarakat terhadap perkhidmatan cekap dan mudah dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Beliau, yang juga pemerhati isu semasa dan pakar bidang pentadbiran awam berkata, antara perkara yang boleh dilakukan termasuk menyemak prosedur, polisi dan peraturan lapuk, kemas kini keperluan jabatan dan agensi bagi mengurangkan



NOOR MOHAMAD SHAKIL



ADNAN

pertindihan tugas dan pembaziran sumber serta pendigitalan sektor awam.

"Perkembangan teknologi pesat kini menuntut penjawat awam melakukan reformasi dalam aspek pendigitalan perkhidmatan.

"Perkembangan ini menuntut kita untuk segera tingkatkan kemahiran agar tidak ketinggalan untuk memberikan perkhidmatan lebih lancar dan efisien kepada rakyat.

"... penjawat awam tidak boleh pasif kepada perubahan, sebaliknya menjadi jentera dan komponen penting menggerakkan usaha pembaharuan.

"Usaha reformasi penjawat

awam dalam aspek ini dilihat perlu dan tepat pada masanya kerana peranan penjawat awam sangat penting.

"Mereka ialah tulang belakang kerajaan dan tiang seri pentadbiran negara yang sentiasa mendukung aspirasi kerajaan memerintah dengan melaksanakan semua inisiatif dan agenda

dirancang untuk membangun dan memulihkan negara," katanya.

Mohamad Shakil berkata integriti penjawat awam juga perlu terus diperkasa bagi memastikan mereka melaksanakan tugas dengan penuh amanah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Selasa, menyeru agar penjawat awam bersama-sama membawa perubahan bagi menyelamatkan negara ke arah pemulihan bagi membangunkan semula negara ke suatu tahap membanggakan yang pernah dicapai sebelum ini.

Sementara itu, Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Datuk Adnan Mat



FOTO: BERNAMA

Situasi VUCA memerlukan sumber manusia lebih kreatif, efisien, berfikiran jauh dan berdaya tahan.

berkata, penjawat awam pasti akan memberi komitmen penuh kepada Anwar untuk memastikan agenda perubahan dalam perkhidmatan awam dapat direalisasikan.

Menurutnya, Cuepacs memberi jaminan bahawa penjawat awam akan bertindak profesional dalam setiap tanggungjawab yang diamanahkan dengan memberi keutamaan kepada rakyat dan negara melebihi kepentingan lain.

Beliau juga berharap agar ahli Jemaah Menteri yang bakal dilantik oleh Perdana Menteri kelak akan dapat melakukan reformasi yang baik berdasarkan prinsip kepimpinan melalui teladan.

"Kita sebagai penjawat awam mengharapkan komitmen sama daripada kepimpinan tertinggi kerajaan terutama daripada anggota Jemaah Menteri baharu. Agenda perubahan ini tidak tercapai sekiranya tiada kerjasama daripada penggubal dasar iaitu kerajaan yang memerintah," katanya. - *Bernama*



Keratan akhbar *Sinar Harian* pada Rabu.